

Cambah idea

» Pelajar IPT tempatan, luar negara kupas isu ASEAN+3



Enam peserta terbaik dipilih menerusi program *The Young Speakers' Contest*.

Oleh Nastura Nasir
upen@bh.com.my

■ Bangi

Lebih 44 pelajar dan 16 ahli akademik daripada 24 institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ASEAN+3 berkampung selama lapan hari di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi menayakan The 15th ASEAN University Network (AUN) & 4th ASEAN+3 Educational Forum & Young Speakers' Contest, baru-baru ini.

Bertema *Developing ASEAN+3 Economic Integrated Community: Issue on Gender Equality, Minority Groups and Person with Disabilities*, program ASEAN Community 2015 itu julung kali diadakan di negara ini.

Laksana pertukaran pelajar

Antara IPT yang menyertainya ialah Universiti Brunei Darussalam, Royal University of Phnom Penh, Beijing Foreign Studies University, Universitas Gajah Mada dan Kyoto University.

Selain itu, turut terbabit ialah Yangon University of Economics, De La Salle University, National University of Singapore dan Vietnam National University, Ho Chi Minh City, manakala Malaysia pula diwakili UKM dan Universiti Malaya (UM).



Generasi muda khususnya di Malaysia perlu bergiat secara aktif dalam pembangunan serantau selaras hasrat membina Asean Youth Assembly Hall yang diumumkan Menteri Belia dan Sukan

Noor Azlan Ghazali,
Naib Canselor UKM

Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali, ketika menyampaikan ucapan pada majlis perasmian program itu, berkata UKM amat menitikberatkan hubungan erat antara rakan IPT di rantau ASEAN+3. Katanya, hal ini terbukti menerusi

kejayaan pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) yang membolehkan aktiviti pertukaran pelajar dan kerjasama penyelidikan dan inovasi dilaksanakan dalam kalangan IPT rantau ini.

Kerjasama erat

"Program seumpama ini memberikan kesedaran kepada generasi muda berkenaan kepentingan hubungan erat dalam kalangan rakan serantau dan keperluan untuk memperkasakan pembangunan ekonomi di rantau ASEAN+3.

"Generasi muda khususnya di Malaysia perlu bergiat secara aktif dalam pembangunan serantau selaras hasrat membina Asean Youth Assembly Hall yang diumumkan Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin, sebelum ini," katanya.

Antara pengisian program ialah *Young Speakers' Contest*, forum pendidikan, syarahan umum, bengkel dan perbincangan berkenaan isu berkaitan keseksamaan gender, kumpulan minoriti dan golongan kurang upaya di rantau ASEAN+3.

Menerusi *The Young Speakers' Con-*



Aksi peserta ketika membentangkan idea.

test, 24 pelajar membentangkan pelbagai isu berkaitan tema yang ditetapkan dan hanya enam peserta terbaik dipilih berdasarkan pembentangan kertas cadangan aktiviti masing-masing.

Forum pendidikan pula membincangkan pelbagai isu secara berkumpulan dan hasil perbincangan akan didokumen dan diserahkan secara formal kepada Sekretariat ASEAN melalui *Senior Officials Meeting on Youth (SOMY)*.

Sepanjang program itu peserta turut dibawa melawat ke beberapa lokasi pelancongan dan kebudayaan menarik di negara ini.



Sebahagian daripada pelajar yang menyertai The 15th AUN & 4th ASEAN+3 Educational Forum & Young Speakers' Contest di UKM.